



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

“PENGAJAR CEMERLANG: PEMACU REFORMASI PROFESIONAL KESIHATAN MADANI”

Johor Bahru, 3 November 2025 - Pada majlis Sambutan Hari Pengajar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang julung kali diadakan, sebanyak **tiga (3) kategori Anugerah Pengajar sebagai pengiktirafan** kepada warga pengajar yang menunjukkan kecemerlangan dan sumbangan signifikan dalam bidang latihan dan pembangunan profesional diperkenalkan. Anugerah tersebut termasuklah:

- a) **Anugerah Pengajar Perdana** - bagi sumbangan luar biasa dan berimpak tinggi dalam latihan serta kepimpinan;
- b) **Anugerah Pengajar Wawasan** - bagi pencapaian inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran; dan
- c) **Anugerah Pengajar Harapan** - bagi pengajar muda yang menunjukkan potensi besar dalam kepimpinan akademik.

Penganugerahan ini mencerminkan penghargaan rasmi KKM terhadap dedikasi para pengajar yang menjadi nadi utama kepada pembangunan profesionalisme tenaga kesihatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM). Komitmen dalam pembangunan tenaga pengajar dalam sektor kesihatan akan terus menjadi antara keutamaan apabila **Kerajaan MADANI telah memperuntukkan sebanyak RM46.5 bilion dalam Belanjawan 2026 kepada sektor kesihatan**, yang mencakupi pelaburan strategik dalam aspek pembangunan modal insan kesihatan yang dilihat sebagai tunjang kepada peningkatan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan awam.

Sambutan Jubli Baiduri 15 Tahun ILKKM Johor Bahru yang turut diraikan pada hari ini menjadi bukti kepada kecemerlangan ILKKM yang kini diiktiraf sebagai antara lima (5) Pusat Kecemerlangan (***Centre of Excellence, CoE***) dalam **bidang Sains Kesihatan** dengan tujahan utama adalah **bidang Fisioterapi dan Terapi Cara Kerja**. Seiring dengan transformasi kesihatan semasa, ILKKM Johor Bahru berhasrat untuk menjadi **pusat rujukan serantau dalam bidang rehabilitasi dan pemulihan melalui bidang keutamaan seperti *exercise prescription in obesity patients* dan *neurodevelopment treatment for children with cerebral palsy***. YB Timbalan Menteri Kesihatan turut berkesempatan melancarkan buku kenangan bertajuk “Melakar Sejarah: 15 Tahun ILKKM Johor Bahru”, yang mengandungi sejarah penubuhan dan pencapaian ILKKM Johor Bahru dalam melahirkan modal insan kesihatan berkemahiran tinggi sejak penubuhannya pada tahun 2010.

Bermula pada tahun 2025 juga, **Sambutan Hari Pengajar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** diraikan pada **3 November** setiap tahun bagi menggantikan **tarikh asal sambutan pada 1 Jun**. Penetapan tarikh baharu ini bertujuan memastikan penglibatan warga ILKKM adalah menyeluruh termasuk dari Sabah dan Sarawak. Ini kerana tarikh asal bertembung dengan Perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai yang disambut di kedua-dua negeri berkenaan yang membataskan penglibatan penuh warga kedua-duanya.

“Peranan pengajar KKM **tidak hanya terhad** dalam penyampaian ilmu di **bilik kuliah**, tetapi turut merangkumi **tanggungjawab sebagai mentor klinikal, pembimbing sahiah profesional dan penyelia lapangan di fasiliti kesihatan**, bagi memastikan para pelatih menguasai kemahiran teori dan amali secara menyeluruh”, kata YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan dalam ucapannya semasa merasmikan Hari Sambutan Pengajar KKM. Majlis Sambutan Hari Pengajar KKM pada kali ini diraikan secara bersama dengan Sambutan Jubli Baiduri ILKKM Johor Bahru dengan tema **“Pengajar Cemerlang: Pemacu Reformasi Profesional Kesihatan MADANI”**. Tema ini adalah manifesto komitmen KKM bukan sahaja untuk mengangkat martabat profesion pengajar tetapi menzahirkan peranan mereka sebagai teras pembangunan modal insan dalam melahirkan tenaga kesihatan barisan hadapan yang mampan.

KKM mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga pengajar dan semoga semua tenaga pengajar yang hadir akan terus menjadi obor ilmu dan sumbu penyuluh budi dalam memperkasa profesion kesihatan negara selaras dengan aspirasi “Pengajar Cemerlang, Pemacu Reformasi Profesional Kesihatan MADANI.”

KKM terus komited dalam memastikan pembangunan modal insan termasuk tenaga pengajar akan mencakupi pelbagai aspek bagi membolehkan sektor kesihatan dan perkhidmatan kesihatan dapat diberikan secara menyeluruh. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

-TAMAT-

Kementerian Kesihatan Malaysia

